

27 JUL 2002

SNNi-Peluang/I

PELUANG NEGARA SELATAN TUKAR BERITA DAN MAKLUMAT MENERUSI SNNI

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Smart News Network International (SNNi) menawarkan peluang kepada negara-negara Selatan untuk menyebarkan dan menerima berita serta maklumat mengenai satu sama lain dengan cepat dan kos efisien, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, hari ini.

"Kita mahu menyediakan sumber maklumat alternatif dan hubungan kerjasama dengan kita berpeluang membuat laporan sebenar berbanding interpretasi dan persepsi oleh media asing yang bersikap sangat berat sebelah dan tidak memahami negara berkenaan," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan bengkel tiga hari SNNi di sini, beliau yakin inisiatif itu akan berjaya memandangkan adanya minat dan sinergi di kalangan negara-negara Selatan.

"Tidak harus ada masalah. Ia adalah mengenai momentum, apabila kita mendapatnya kita harus bergerak seiring dengan momentum itu. Sekurang-kurangnya, kita tidak menerima keseluruhan laporan agensi berita asing," katanya.

Menurutnya laporan mengenai Malaysia kadang kala dipetik daripada media berita asing.

"Mengapa begitu. Sepatutnya, ia harus datang daripada pihak kita. Jika mereka mahu buat laporan, ia perlu diambil daripada kita...selepas itu, buatlah keputusan mengenai isu yang mahu difahami atau diunjurkan," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Syed Hamid berkata dengan penubuhan rangkaian pertukaran berita seperti SNNi, negara-negara yang menyertainya dapat menangkis dan membalas laporan yang diselewengkan oleh organisasi media asing.

"Sudah sekian lama negara-negara Selatan tidak dapat memberi maklum balas kepada penyelewengan berita media Barat dan terpaksa bergantung kepada belas kasihan mereka kerana mereka yang mengawal semua institusi media serta infrastruktur penyebaran berita dan maklumat.

"Sekurang-kurangnya, laporan daripada agensi berita dan akhbar kita akan berperanan sebagai bahan rujukan berbanding dengan organisasi media asing," katanya.

Menurutnya organisasi media Barat lebih berminat dengan bencana atau malapetaka serta pergolakan politik atau sosial yang melanda negara berkenaan berbanding dengan kemajuan dan pembangunan mereka.

Syed Hamid berkata banyak negara di Afrika telah menyatakan hasrat mereka untuk menyertai SNNi.

Bengkel SNNi itu adalah program latihan 10 hari bagi para wartawan yang terlibat dalam SNNi untuk melengkapkan mereka dengan kecekapan menggunakan Teknologi Komunikasi Maklumat.

Seramai 13 wartawan asing dan 12 wartawan Malaysia menyertai bengkel anjuran Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) itu.

Peserta asing adalah dari Botswana, Namibia, Mozambique, Zimbabwe, Republik Guinea, Afrika Selatan, Ghana, Malawi, Uganda dan Laos.

SNNI dilancarkan bersama oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Presiden Yoweri Museveni dari Uganda dan President J. Chissano dari Mozambique di Kampala, Uganda, pada 20 Ogos tahun lepas.

Anggota awal SNNi ialah Daily News di Botswana; Bernama, The News Strait Times dan Utusan Malaysia di Malaysia; Mozambique News Agency; Namibia Today di Namibia; Buanews di Afrika Selatan; New Vision di Uganda; dan The Herald di Zimbabwe.

-- BERNAMA
MSL AZZ NAK